

16 NOV 1998

APEC-BERITA-KES (LEAD)

KL GEMBIRA FILIPINA AKUI KEADAAN POLITIK NEGARA SEBENAR

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Beranma) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau telah menjelaskan mengenai situasi politik negara yang sebenar kepada beberapa pemimpin Apec, termasuk dari Australia yang berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Apec yang bermula esok..

"Ada yang bertanya kes tentang konflik dalam negara, kita jelaskan," kata Perdana Menteri pada persidangan berita selepas mengadakan perbincangan dua-hala dengan beberapa pemimpin Apec di sini.

Beberapa jam sebelum itu, Menteri Luar Filipina Domingo Siazon telah berkata bahawa Filipina mengakui perbicaraan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dikendalikan dengan lebih telus.

Ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai pertemuan antara Dr Mahathir dan Presiden Filipina Joseph Estrada di sini hari ini, Siazon berkata terdapat banyak ketelusan dalam perbicaraan kes Anwar.

Filipina dan Australia adalah antara beberapa negara yang menyatakan kebimbangan mereka mengenai "layanannya" terhadap Anwar yang sedang menghadapi perbicaraan di mahkamah.

Dr Mahathir berkata beliau merasa gembira kerana Manila dapat melihat keadaan sebenar politik negara.

"Kita merasa gembira mereka dapat lihat keadaan yang sebenar," kata Dr Mahathir.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata hanya Perdana Menteri Australia John Howard membangkitkan isu Anwar.

Di samping Howard dan Estrada, Dr Mahathir turut mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Wakil China Taipei Dr Chiang Pin Kung, Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai, Presiden Peru Alberto Fujimori dan Sultan Hassannal Bolkiah dari Brunei.

Ketika ditanya apakah pendirian pemimpin-pemimpin Apec yang ditemuinya sudah berubah selepas mendengar penjelasannya, Dr Mahathir berkata: "Itu kita tak tahu. Dia tak ada undi' apapun. Cuma dengar sahaja."

Perdana Menteri berkata ramai yang melihatnya (kes Anwar) sebagai satu "tindakan politik kerajaan."

"Sebenarnya ini adalah perbicaraan biasa," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau juga telah menjelaskan kepada pemimpin Australia itu bahawa kes Anwar itu adalah perbicaraan biasa.

"Seperti mana mereka berkata bahawa setiap orang adalah sama di sisi undang-undang. Jadi mereka tidak ada hak untuk berkata bahawa untuk orang ini (Anwar), undang-undang berlainan. Jadi tak bolehlah.

"Kita semua sama di sisi undang-undang dan undang-undang mestilah dipakai sama rata kepada semua kita, tidak kira siapa kita," kata beliau.

Sebelum ini, Howard memberitahu pemberita selepas berjumpa dengan Dr Mahathir bahawa beliau akan terus berusaha untuk mengekalkan hubungan baik dengan Malaysia.

Howard berkata beliau telah menyatakan pendapat Australia mengenai isu Anwar kepada Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada beliau terkejut dengan tindakan tiga orang menteri Apec yang menemui isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Dr Mahathir berkata: "Bukan soal terkejut tetapi adat kita di sini, kita tidak akan campur tangan dalam hal negara orang lain.

"Tapi kalau orang lain berpendapat mereka nak campurtangan, itu hak

mereka, kita tak soal," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata bahawa "pada masa ini, mereka (para pemimpin Apec) masih menumpukan kepada agenda (Apec)." -- BERNAMA

TM OS